

## NOTA EDITOR JEMPUTAN

RAMLI DOLLAH<sup>1</sup>  
EKO PRAYITNO JOKO<sup>2</sup>  
AMRULLAH MARAINING<sup>3</sup>  
NORDIN SAKKE<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan,  
88400 Universiti Malaysia Sabah

<sup>2&3</sup>Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan,  
88400 Universiti Malaysia Sabah

<sup>4</sup>Program Geografi, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan,  
88400 Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>ramlid@ums.edu.my <sup>2</sup>ekoprayitnojoko@ums.edu.my

<sup>3</sup>amrullahmaraining86@ums.edu.my <sup>4</sup>dinums@ums.edu.my

### Budaya Politik dan Kedinamikan Politik Sabah

Kedudukan Sabah sebagai negeri ke-13 dalam Malaysia bukan sahaja semakin berkembang pesat dari aspek pembangunan fizikal, tetapi juga mencakupi persoalan bukan fizikal. Maka, Sabah sering kali mendapat perhatian sebagai sebuah negeri yang sedang bergelut untuk keluar daripada senarai negeri termiskin di Malaysia dan mendapat desakan untuk membantu dalam pembentukan “politik baharu” yang bercirikan nilai keadilan dan kesamaan. Dua aspek tersebut kemudiannya mengiringi perkembangan wacana baharu berkenaan Sabah yang sememangnya diakui kaya dengan hasil bumi dan mempunyai pengalaman besar dalam membentuk kedinamikan politiknya yang tersendiri sejak merdeka melalui Malaysia. Hakikat ini terbukti apabila Sabah pernah menyumbangkan nilai GDP terbesar kepada Negara, manakala pertukaran kerajaan adalah amalan biasa yang dilakukan oleh masyarakatnya sejak tahun 1975. Namun, keadaan ini tidak berlanjutan apabila politik Sabah mengalami “kelesuan” dengan berakhirnya era pentadbiran parti lokal menyebabkan laungan reformasi di Semenanjung Tanah Melayu tidak memberikan impak yang jelas kepada negeri Sabah. Keadaan yang sama ditunjukkan semasa PRU-13 yang disinonimkan dengan istilah “tsunami politik”. Melayu bukan sahaja gagal menerobos masuk dalam kalangan pengundi di Sabah, sebaliknya negeri ini terus menjadi “benteng terakhir” kepada Barisan Nasional (BN) untuk kekal menakluki Putrajaya (Zaini *et al.*, 2016).

Secara umumnya, perkara ini dipengaruhi secara langsung oleh budaya politik masyarakat Sabah yang dibentuk oleh (i) amalan politik bersandarkan kaum atau dikenali sebagai etnikisme (*ethnicism*) dan (ii) politik pembangunan

atau *developmentalism* yang sangat menonjol diperlihatkan di sebahagian besar kawasan luar bandar Sabah. Pengaruh budaya politik dalam menentukan kecenderungan sokongan politik ini telah dibincangkan oleh ramai pengkaji, antaranya seperti Almond (1956) dan kemudiannya dikembangkan oleh Verba (1963) dengan menyatakan semua sistem politik terangkum dalam suatu pola orientasi terhadap tindakan politik tertentu yang melibatkan aspek pemikiran dan adaptasi terhadap situasi luaran serta nilai budaya universal. Dalam hal ini, budaya politik dikatakan tidak akan dibatasi oleh sistem politik kerana merentasi sistem politik itu sendiri akibat dipengaruhi oleh nilai kebudayaan di luar sistem politik. Justeru, perkembangan sistem dan teknologi di kebanyakan negara di dunia masih tidak mampu menghilangkan nilai, kepercayaan dan budaya tradisional dalam sesebuah masyarakat, sekali gus mempengaruhi penglibatan politik masyarakat tersebut. Keadaan ini yang diperlihatkan dalam perkembangan politik masyarakat Sabah apabila cenderung dipengaruhi oleh aspek etnikisme sama ada semasa era kolonial mahupun pascakolonial. Budaya politik terbabit dijemakan melalui penubuhan parti politik United Sabah National Organisation (USNO), United National Kadazan Organisation (UNKO), Pasok Momogun dan Sabah Chinese Association (SCA) yang memperjuangkan kedudukan setiap etnik dan agama masyarakat Sabah dalam Malaysia.

Budaya politik etnikisme dalam kalangan masyarakat Sabah ini membawa kepada pelaksanaan permuafakatan politik sebagai langkah terbaik mewujudkan kestabilan politik melalui permuafakatan. Oleh itu, persoalan politik yang melibatkan kepentingan sosial, mobilisasi dan juga perwakilan politik turut dipengaruhi oleh ikatan keetnikan yang jelas dicirikan melalui tanggungjawab ekonomi dan wilayah penempatan. Hakikat ini dapat diperhatikan apabila saintis sosial dan kemanusiaan kerap menggunakan terma politik berasaskan “bumiputera Islam”, “bumiputera bukan Islam”, “politik pantai timur”, “politik pantai Barat”, “politik KDM”, “politik Bajau-Suluk”, “politik Bugis” dan lainnya dalam mengenal pasti persoalan literasi dan orientasi pengundi sebelum pilihan raya berlangsung. Perbezaan ini dipercayai membentuk keterasingan antara etnik dalam politik masyarakat Sabah sehingga mampu menimbulkan konflik kekerasan seperti yang diperlihatkan melalui peristiwa pengeboman di Sandakan (1976) dan juga Kota Kinabalu (1986). Tindakan kekerasan ini dipandu oleh budaya

politik etnikisme yang besar dan ditandakan melalui kejayaan atau kejatuhan sesebuah parti pemerintah sebagai penaung kepada sesuatu etnik. Atas simbol sedemikian menyebabkan barisan pengundi menganggap kekalahan USNO kepada Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) dan penipuan Parti Bersatu Sabah (PBS) terhadap USNO sebagai kekalahan politik bumiputera Islam kepada penduduk bukan Islam. Budaya politik sedemikian bukan sahaja berlaku semasa era pentadbiran parti lokal, tetapi juga berlanjutan sehingga era penguasaan United Malays National Organisation (UMNO) yang mengekalkan pengaruh etnikisme dalam politik berdasarkan falsafah “pecah dan perintah”. Justeru, Francis Loh Kok Wah (2005) menyatakan budaya politik etnikisme mendominasi politik Sabah dari awal hingga kini. Hal ini bertepatan dengan wacana politik terkini yang diketengahkan oleh beberapa orang penulis antaranya seperti Eko Prayitno *et al.*, Ramli *et al.*, Nordin *et al.* dan Wan Shawaluddin *et al.* dalam keluaran khas ini sebagai salah satu daripada faktor penentu sokongan pengundi semasa PRU-14.

Walau bagaimanapun, budaya politik di Sabah tidak statik sifatnya, tetapi bergerak selari dengan perkembangan politik di negara luar apabila persoalan pembangunan menjadi budaya politik baharu dalam kalangan masyarakat Sabah. Budaya politik baharu ini terhasil kesan daripada pembangunan ekonomi yang mendadak khususnya berkaitan kemajuan kebendaan serta peningkatan keselesaan hidup seharian yang dinikmati oleh rakyat. Perkara yang semakin dirasai ini difikirkan perlu diteruskan dan dipertingkatkan kedudukannya menyebabkan persoalan pembangunan dan kemajuan kebendaan menjadi sebahagian nilai yang dihargai oleh masyarakat Sabah. Keadaan tersebut bukan suatu hal yang mengejutkan kerana Sabah dalam konteks Malaysia merupakan antara negeri termiskin dan termundur dari aspek pembangunan fizikalnya. Justeru, kempen politik pembangunan mendapat tempat istimewa dalam budaya politik Sabah yang sekian lama didominasi oleh politik etnikisme. Dalam hal ini, selepas 57 tahun Sabah merdeka melalui Malaysia, matlamat untuk merapatkan jurang ekonomi dan pembangunan antara negeri di Malaysia Barat dengan Malaysia Timur belum jelas diperlihatkan. Permasalahan yang berterusan ini kemudiannya dimanipulasikan oleh ahli politik, sama ada daripada pihak kerajaan mahupun parti pembangkang agar dapat menarik sokongan politik terhadap mereka, sekali gus membentuk budaya politik pembangunan dalam

kalangan masyarakat Sabah. Tambahan pula, persoalan politik pembangunan yang menjadi wacana utama dalam kalangan saintis sosial dan kemanusiaan sebagai orientasi baharu yang mampu menghadirkan kestabilan politik sesebuah negara. Atas alasan sedemikian, parti kerajaan kerap berkempen bahawa pembangunan di Sabah hanya akan mengalami kepesatan sekiranya bersesuaian dengan parti kerajaan di pusat, manakala parti pembangkang pula menggunakan isu 20 Perkara dalam menekankan isu politik pembangunan.

Isu politik pembangunan yang dikemukakan dalam tulisan Mohd Noor Yazid *et al.*, Mohamad Haziq *et Al.*, A Rahman Tang *et Al.* dan Md. Saffie *et al.* di dalam keluaran ini berusaha membuktikan bahawa budaya politik pembangunan juga mempengaruhi kecenderungan sokongan politik masyarakat Sabah. Walau bagaimanapun, pemerintahan yang berorientasikan politik pembangunan dinyatakan sering menggunakan dasar politik yang kurang demokratik demi survival kekuasaannya, tetapi berjaya mengagumkan rakyat sehingga mereka sanggup mengetepikan nilai-nilai demokrasi (Francis Loh, 2005). Namun, perkembangan budaya politik demokrasi berpartisipasi dalam kalangan masyarakat Sabah yang dipengaruhi oleh proses globalisasi, liberalisasi, teknologi maklumat dan informasi serta membesarnya kelompok Gen Y telah membentuk pemikiran kritis terhadap budaya politik etnikisme dan politik pembangunan sebelumnya. Dalam hal ini, proses globalisasi telah membenarkan “suasana tanpa sempadan” berlaku melalui interaksi menggunakan media baharu yang menciptakan bentuk tindakan dengan persekitaran politik di Sabah. Proses tersebut bukan sahaja merubah medium perhubungan masyarakat Sabah, tetapi juga menjadi alternatif untuk mendapatkan sumber pengetahuan berkaitan dengan perkembangan politik negara dan membandingkannya dengan politik luar. Keadaan ini akhirnya membentuk budaya politik baharu dalam kalangan masyarakat Sabah yang sekian lama berkisar kepada *power politics* kepada politik imej. Perbincangan berkenaan budaya politik baharu berasaskan demokrasi berpartisipasi diketengahkan dalam penulisan Ramli *et al.*, Nordin *et al.* dan beberapa karya lain di dalam keluaran khas ini, sekali gus menggambarkan keruntuhan sistem permuafakatan politik berasaskan perkauman dan digantikan dengan permuafakatan politik bentuk baharu anjuran pembangkang berasaskan pertimbangan sosial.

## Permuafakatan Politik dalam Politik Sabah

Telusuran terhadap perkembangan politik di Sabah yang dipengaruhi oleh budaya politik berteraskan etnikisme, politik pembangunan dan juga demokrasi partisipasi tampaknya telah disederhanakan kedudukannya melalui permuafakatan politik antara golongan elit yang menjadi tulang belakang kepada politik Sabah. Secara umumnya, permuafakatan politik atau dikenali juga sebagai teori Permuafakatan politik telah diperkenalkan oleh Lijphart pada tahun 1967 di kongres pertubuhan sarjana sains politik sedunia di Brussels (Mohammad Agus, 1992). Menurut beliau, terdapat empat ciri utama yang diperlukan untuk menjayakan konsep permuafakatan politik. Ciri pertama yang disifatkan sebagai terpenting adalah kerjasama antara elit dari setiap segmen dalam masyarakat melalui gabungan politik (*grand coalition*). Pemimpin politik bagi setiap etnik hendaklah bersedia untuk berkompromi antara satu sama lain dan mampu membuat keputusan tanpa kehilangan sokongan dari kumpulan etnik mereka (Lijphart, 1969). Jika syarat tersebut dipenuhi, maka akan berjayalah permuafakatan politik kerana ia tergantung kepada dua pemboleh ubah penting, iaitu kerjasama antara elit dan non-elit (Lijphart, 1969). Hal ini bertepatan dengan ungkapan Lijphart (1969: 221) yang menegaskan “*The elites have to cooperate and compromise with each other without losing the allegiance and support of their rank and file.*”

Kedua, setiap segmen dalam masyarakat mesti mempunyai darjah autonomi yang agak tinggi bagi membolehkan tiap-tiap kumpulan menentukan dasar masing-masing. Sebagai contoh dalam aspek pendidikan, bahasa dan budaya. Di samping itu, kepentingan segmen majoriti juga dibenarkan berkembang. Seterusnya ciri ketiga, mesti wujud suatu kuota (*proportionate*) bagi membolehkan tiap-tiap kumpulan memilih secara berkadar peruntukan kumpulan mereka untuk tabung awam dan pelantikan dalam perkhidmatan awam. Akhir sekali, adanya kuasa veto atau *concurrent majority rule* untuk menjamin kepentingan tiap-tiap kumpulan supaya mereka dapat mempertahankan kepentingan utama masing-masing. Kesemua ciri ini mesti dipenuhi bagi menjamin kestabilan politik sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Ia bertepatan dengan pendapat kebanyakan para sarjana sains politik yang bersetuju dengan idea diketengahkan Lijphart, iaitu teori permuafakatan politik, mereka menyatakan bahawa idea ini penting dalam usaha menyatukan masyarakat berbilang kaum.

Walau bagaimanapun, teori ini turut mendapat kritikan daripada kalangan sarjana sains politik yang menganggap demokrasi *Westminster* adalah lebih baik dari permuafakatan politik kerana memberi kebebasan berpolitik kepada masyarakat dan memberi ruang kepada kewujudan pembangkang untuk mengkritik dasar kerajaan untuk tujuan *check and balance*, sedangkan permuafakatan politik tidak menggalakkan adanya pembangkang (Barry, 1975). Walaupun terdapat kritikan berkenaan teori ini seperti yang dinyatakan, kritikan tersebut masih boleh diperdebatkan kerana sehingga kini tidak ada bukti nyata yang menunjukkan bahawa negara yang mengamalkan permuafakatan politik akan tertindas, terkongkong dan mundur dari negara yang mengamalkan demokrasi *Westminster* seperti yang dihujahkan Barry (1975). Sebaliknya, contoh yang jelas adalah praktik negara kita sendiri yang sejak dulu hingga kini mencapai kestabilan politik dengan mengamalkan politik permuafakatan bagi mengekalkan keharmonian masyarakat berbilang kaum dengan identiti politik yang pelbagai.

Melihat kepada ciri permuafakatan politik yang luas sifatnya, sudah tentu agak sukar untuk menggambarkan apatah lagi menterjemah secara keseluruhannya senario politik Sabah semata-mata dari lensa yang dicirikan Lijphart. Sungguhpun demikian, penulisan buku ini tetap optimis untuk cuba mengangkat praktik teori ini dalam merungkai kerencaman dan kedinamikan politik Sabah.

### **Praktik Permuafakatan Politik dalam Pentas Politik Sabah**

Menelusuri citra sejarah politik Sabah, penubuhan parti politik berasaskan kepentingan etnik sememangnya merupakan ciri utama parti politik di Sabah sejak dari awal sehingga kini. Fakta ini jelas, misalnya USNO lebih memperjuangkan etnik Bajau dan Suluk, UNKO dan *United* Pasokmomogun Kadazan Organisation (UPKO) pula bersama-sama memperjuangkan nasib dan masa depan bangsa Kadazan Dusun Murut di Sabah, seterusnya SCA pula memperjuangkan hak etnik Cina (Mohammad Agus, 1992). Bagi PBS, BERJAYA dan UMNO-BN, ketiga-tiga parti ini dilihat agak liberal terutamanya dalam aspek keanggotaan parti yang dilihat lebih terbuka kerana tidak didominasi oleh sesuatu etnik sahaja. Dari aspek matlamat perjuangan, ia lebih demokratik kerana memperjuangkan kepentingan semua etnik.

Ekoran matlamat penubuhan parti yang kebanyakannya menjadikan kepentingan etnik diwakili sebagai asas perjuangan, maka keadaan ini sering kali menimbulkan konflik dan pertentangan bagi perebutan kuasa. Persaingan antara parti politik atau lebih jelas lagi persaingan dalam kalangan etnik untuk berkuasa jelas melalui kekerapan pertukaran kerajaan di Sabah. Sejak tahun 1964 hingga kini, sebanyak 6 buah parti yang berbeza telah menerajui kepimpinan politik di Sabah. Misalnya dari tahun 1964 hingga tahun 1967 oleh UNKO, dari tahun 1967 hingga tahun 1976 oleh USNO-SCA, dari tahun 1976 hingga tahun 1985 oleh BERJAYA dan dari tahun 1985 hingga 1994 oleh PBS (Eko Prayitno, 2018 ). Seterusnya 1994 hingga 2018 oleh UMNO-BN dan terkini 2018 – kini oleh parti Warisan. Melihat kepada latar belakang politik Sabah yang sangat rencam dan dinamik sifatnya ini, sudah pasti bagi setiap parti politik di Sabah perlu menggunakan strategi yang berkesan bagi memastikan sesebuah parti politik itu boleh mengekalkan hegemoni kekuasaannya. Salah satu alternatif adalah bekerjasama dengan semua parti politik bagi membentuk satu gagasan politik yang utuh. Memahami hakikat tersebut, maka dalam konteks politik Sabah dari dahulu hingga kini, permuafakatan politik menjadi satu praktik politik yang sering diamalkan bukan sahaja oleh parti yang membentuk kerajaan negeri tetapi juga parti pembangkang yang sama-sama ingin mengukuhkan kedudukan politik masing-masing.

Berbicara mengenai praktik permuafakatan di Sabah, beberapa senario dalam politik Sabah memperlihatkan dengan jelas bagaimana teori ini diaplikasikan. Salah satu contoh awal adalah kerjasama yang terjalin di Era pentadbiran USNO yang mewakili majoriti etnik Bajau dengan SCA yang mewakili majoriti etnik Cina. Persetujuan kerjasama tersebut adalah atas persetujuan para pemimpin parti yang mempunyai dasar perjuangan yang berlainan tetapi atas kepentingan yang sama. Kedua etnik dari parti tersebut saling menghormati antara satu sama lain. Kemudian, Pada Jun 1964, satu lagi peristiwa yang menunjukkan permuafakatan politik dipraktikkan apabila dua kumpulan etnik yang sama diwakili pemimpin parti dari parti politik yang berlainan sedia berkompromi dan bergabung. Kadazan-Dusun Murut di wakili oleh UNKO dan PASOK MOMOGUN bekerjasama membentuk UPKO. Penggabungan atas tujuan mempertahankan kepentingan bumiputera bukan Islam.

Hingga ke hari ini, permuafakatan politik sebagai jalan mencapai matlamat politik terus dipraktikkan, buktinya, pembentukan kerajaan negeri diketuai oleh parti Warisan baru-baru ini menunjukkan bahawa untuk kesekian kalinya, permuafakatan politik menjadi jalan keluar. Parti *United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation* (UPKO) yang kini dikenali sebagai *United Progressive Kinabalu Organisation* yang dipimpin oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau memberi kejutan keluar dari komponen BN pada 10 Mei 2018 untuk berkompromi dan bekerjasama dengan parti Warisan setelah mendapat mandat dari majoriti etnik yang diwakilinya (Astro Awani, 2018). Kerjasama ini membolehkan Parti Warisan berjaya membentuk kerajaan campuran negeri Sabah selepas memenangi 35 kerusi DUN dari 60 kerusi DUN yang dipertandingkan. Kemenangan tersebut ekoran tindakan 6 ahli dewan undangan negeri BN mengambil keputusan lompat parti (Harian Metro, 2018; Berita Harian, 2018). Antara yang terlibat adalah seperti Datuk Abidin Madingkir (Paginatan) dan Ewon Benedick (Kadamaian) mewakili UPKO dan empat orang ADUN BN, iaitu Datuk Hamisa Samat (Tanjung Batu), Abdul Muis Picho (Sebatik), Datuk Osman Jamal (Balung) dan Jamawi Jaafar (Kemabong). Pada 12 Mei 2018, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal akhirnya berjaya mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin (*BH Online*, 2018; *The Star Online*, 2018). Demi menjaga hubungan dan kepentingan bersama antara Warisan dan UPKO, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau telah dilantik menjadi Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Selain itu, senario permuafakatan politik juga jelas kelihatan menerusi kerjasama dalam kalangan elit politik di barisan pembangkang negeri menyaksikan persetujuan beberapa pemimpin parti politik Sabah seperti Tan Sri Joseph Pairin Kitingan (PBS), Datuk Dr Jeffrey Gapari Kitingan (STAR), Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (PBRs) dan Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee (SAPP) bagi membentuk satu pakatan baharu yang dikenali sebagai Gabungan Bersatu Sabah (GBS) dipengerusikan oleh Tan Sri Joseph Pairin Kitingan (*Sabah News*, 2018). Di bawah gabungan ini, semua etnik yang diwakili parti yang berlainan sebelum ini disatukan di bawah satu payung untuk perjuangan yang sama.



## **Politik Sabah Sebelum dan Pasca PRU-14**

Untuk tujuan tersebut, Jurnal Kinabalu keluaran khas PRU-14 ini menyediakan ruang kepada pengkaji dan pemerhati politik untuk membincangkan beberapa isu penting di peringkat negeri Sabah sebelum dan pasca PRU-14. Perbincangannya lebih meluas dan memfokuskan pelbagai aspek penting dengan melihat beberapa isu penting yang amat berperanan dalam memahami kedinamikan politik negeri Sabah.

Amrullah, Zaini, Eko Prayitno dan Saat dalam artikel mereka bertajuk “Bugis di Sabah dan PRU-14” membincangkan penglibatan masyarakat etnik Bugis di Parlimen Kalabakan, sebuah kawasan di mana jumlah pengundi Bugis yang dominan. Makalah ini menghujahkan bahawa seperti juga etnik-etnik lain di negeri Sabah, pengundi etnik Bugis turut memainkan peranan yang penting dalam politik negeri dan nasional. Ia menghujahkan bahawa telah tiba masanya komuniti Bugis dianggap sebagai satu komuniti yang perlu diketengahkan, diakui dan diberi peluang yang sama seperti komuniti lain di Sabah bagi memastikan parti-parti yang bertanding diterima di kawasan majoriti Bugis.

Eko Prayitno, Zaini, Saat dan Ali Akbar dalam makalah mereka bertajuk “Sentimen Primodial dan Kesedaran Politik Dalam Pembangunan Politik Sabah” melihat bagaimana isu etnik memainkan peranan penting dalam memahami persoalan politik dalam PRU-14. Makalah ini menggunakan data-data yang dikumpul sebelum PRU-14 dan mendapati bahawa ikatan primodial dan keetnikan ini semakin kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengundi di negeri Sabah. Mereka lebih terkesan dengan isu-isu yang lebih besar, sama ada di peringkat negeri atau nasional serta amat terkesan dengan persoalan melibatkan integriti, ketelusan, keadilan dan kemakmuran ekonomi yang seimbang yang kerap dilaungkan oleh pakatan pembangkang. Perubahan trend mengundi ini banyak dipengaruhi oleh proses globalisasi dan modenisasi yang berlaku terutamanya dalam kalangan anak-anak muda.

Sementara itu, Mohamad Haziq, Zaini, Eko Prayitno, Jasmi dalam artikel mereka bertajuk “Memikir Ulang Persoalan Politik Pembangunan dalam PRU-14” berusaha memahami persoalan politik pembangunan di

kawasan P.169 Kota Belud menjelang PRU-14. Kajian ini menggunakan data-data yang dikumpul sebelum PRU-14. Mereka mendapati bahawa sebelum parlimen dibubarkan pada 7 April 2018, isu pembangunan merupakan isu penting di parlimen ini dan menjadi penanda aras utama kepada trend pengundian di kawasan terbabit. Dapatan kajian ini mendapati bahawa situasi pengundi di Kota Belud sebelum PRU-14 masih samar, sama ada untuk mengekalkan calon dan parti sedia ada mahupun melakukan perubahan tampuk pemerintahan. Walau bagaimanapun, satu perkara yang pasti adalah perihal politik pembangunan kekal dilihat relevan untuk dibincangkan menjelang tibanya hari pengundian bagi PRU-14 ini.

Seterusnya Jasmi, Zaini, Eko Prayitno, Mohammad Haziq dalam kajian mereka bertajuk “Media dan Literasi Politik di Sabah Menjelang PRU-14” berusaha menganalisis kefahaman pengundi di Tawau berkenaan dengan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang warga negara melalui proses pilihan raya. Kajian ini berjaya membuktikan bahawa literasi politik para pengundi di Tawau ini banyak ditentukan oleh peranan media, sama ada media elektronik, media cetak, mahupun media sosial. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pengundi-pengundi di Parlimen Tawau menunjukkan kefahaman yang tinggi dalam politik apabila mereka mampu untuk menganalisis dan memberikan pandangan berkenaan dengan kuasa yang mereka ada sebagai seorang pemilih. Keadaan ini sekali gus berjaya merubah suasana atau trend pengundian pengundi di Tawau apabila mereka tidak lagi mudah untuk percaya atau terpengaruh kepada sesuatu isu-isu politik itu tanpa membuat sebarang penilaian terhadap maklumat tersebut.

Bagi menilai peranan penting media dalam pilihan raya, Lee, Rizal Zamani dan Rafiq dalam artikel mereka bertajuk “Propaganda dan Disinformasi: Politik Persepsi dalam PRU-14” menghujahkan bahawa media memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran pengundi melalui wacana publik pada PRU-14 di Malaysia. Media mampu menentukan jatuh bangun sesebuah kerajaan. Jelasnya, kegagalan mengurus persepsi melalui media dengan baik bakal memberi kesan yang buruk terutamanya kepada pihak pemerintah. Penulis berpendapat kegagalan BN mengurus persepsi melalui media terutamanya melibatkan isu kenaikan harga, GST dan sebagainya merupakan sebab utama kekalahan komponen tersebut dalam pilihan raya.

Malahan, penulis juga menghujahkan bahawa sekiranya persepsi yang sama tidak diurus dengan baik oleh parti pemerintah pasca PRU-14, hal yang sama juga mungkin boleh berlaku kepada pihak pemerintah hari ini.

Seterusnya Mohd. Noor dan Md. Saffie dalam artikel mereka bertajuk “Pencapaian BN di Kawasan Parlimen dan DUN Majoriti Pengundi Kaum Cina di Negeri Sabah: Satu Analisis Perbandingan PRU-13 dan PRU-14” membincangkan dan menganalisis pencapaian BN di kawasan parlimen dan Dewan Undangan Negeri majoriti pengundi kaum Cina di negeri Sabah dalam PRU-13 dan PRU-14. Artikel ini mendapati bahawa terdapat perubahan besar pengundi kaum Cina, khususnya di kawasan majoriti pengundi kaum Cina sama ada DUN atau parlimen. Dalam hal ini, semua kawasan pengundi majoriti kaum Cina gagal dikuasai oleh calon BN kerana dominasi DAP atau parti-parti politik dalam kerjasama Pakatan Harapan di kawasan terbabit. Malahan, majoriti yang diperoleh calon DAP adalah sangat besar berbanding sebelum ini, menyebabkan penulis menghujahkan bahawa status negeri Sabah sebagai ‘simpanan tetap’ bagi BN seperti yang difahami sebelum ini sudah tidak lagi wujud.

Sementara itu, Nordi Achie dalam artikelnya “Analisis Tipologi Pra-PRU 14 di Sabah: Karakter Kosmetik dan Komentar Kritis” merupakan sebuah artikel yang amat kritikal kepada komentar-komentar dan ramalan yang dikemukakan sama ada media sosial, institusi, profesor dan penganalisis politik dan sebagainya yang dilihat gagal membuktikan kesemua jangkaan-jangkaan sebelum dan selepas PRU-14. Penulis menghujahkan bahawa hampir semua analisis tidak ditunjangi rasionalisasi, analisis tergantung tanpa justifikasi dan logik bercanggah dengan fakta. Oleh itu, penulis melihat perlunya satu analisis yang bukan hanya berpaksikan kepada data, tetapi juga perlu kepada analisis rasional dalam memahami persoalan ini. Dalam masa yang sama, penulis juga mengkritik peranan teknologi dalam meramal keputusan politik. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa teknologi sendiri tidak dapat menggantikan peranan intelek yang penting dalam memahami persoalan politik di negara ini. Malahan, penulis melihat bahawa ramalan-ramalan ini tidak boleh dijadikan rujukan ilmiah kerana tidak bersandarkan kepada nilai akademik tertentu.

Artikel seterusnya oleh Nordin, Md Saffie, Ramli, Amrullah, Wan Shawaluddin, Fadilah yang bertajuk “Legasi Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal (DSSA) di Parlimen Semporna Dalam PRU-14” berusaha meneliti sejarah penglibatan politik DSSA dalam politik di negeri Sabah sehinggalah kepada kejayaan beliau menubuhkan Parti Warisan walaupun terpaksa berhadapan dengan legasi mentornya, Tun Sakaran. Bagi melihat latar belakang dan kekuatan DSSA dalam politik Semporna ini, penulis menganalisis data-data pilihan raya lepas bermula dari PRU-9 berserta dengan analisis kandungan laporan media *online*. Kajian ini mendapati bahawa DSSA merupakan watak penting dalam politik Semporna. Pendapat ini ditunjukkan menerusi jumlah undi popular dalam PRU yang disertainya kekal di atas paras 70 peratus. Walaupun rakyat Semporna sinonim dengan USNO dan UMNO tetapi perpindahan DSSA kepada parti baharu Warisan, tidak menjejaskan sokongan rakyat terhadapnya. Hali ini seterusnya dibuktikan dengan jumlah majoriti undi yang tinggi yang diperoleh oleh beliau semasa PRU-13 dan PRU-14. Malahan, Parti Warisan yang didukung oleh DSSA mampu mengekalkan undi kemenangan yang besar di DUN Senallang dan DUN Bugaya walaupun terpaksa berhadapan dengan legasi mentor beliau, Tun Sakaran.

Sementara itu, Nordin, Ramli, Wan Shawaluddin, Fadilah, Adi dalam artikelnya “Hegemoni Barisan Nasional di Parlimen Silam: Analisis Keputusan PRU-11 hingga PRU-14” menganalisis hegemoni BN di Parlimen Silam walaupun berlaku tsunami politik di Malaysia yang dapat dikesan bermula pada 2004. Walau bagaimanapun, kemunculan beberapa isu seperti peningkatan kos sara hidup, kadar pengangguran dalam kalangan anak muda, masalah kleptokrasi dalam kalangan ahli-ahli politik dan ledakan media sosial telah merubah landskap politik luar jangka menyebabkan hegemoni BN tersungkur pada PRU-14. Hasil analisis menunjukkan bahawa faktor pengekalan hegemoni BN sebelum PRU-14 banyak dipengaruhi oleh faktor nasional dan kekuatan jentera BN yang kukuh di samping agen-agen kerajaan berjaya digunakan untuk memberi gambaran yang baik terhadap BN. Namun, PRU-14 BN dikuburkan di P.188 Silam termasuk ketiga-tiga DUN di bawah parlimen ini jatuh ke tangan Parti Warisan. Puncanya ialah isu-isu yang dihadapi oleh kerajaan berjaya dipersepsi secara buruk oleh kebanyakan media sosial yang dilihat anti-BN menyebabkan berlaku perubahan sikap rakyat terutamanya pengundi muda.

Md Saffie dan Mohd. Noor dalam artikel bertajuk “Legasi Sakaran Dandai dalam Politik Semporna: Perkembangan dan Kejatuhan Pada Pilihan Raya Umum 14” berusaha menganalisis perkembangan kepemimpinan legasi Sakaran Dandai dalam politik Semporna dan sebab legasi kepemimpinan tersebut gagal dipertahankan pada PRU-14. Kajian ini mendapati bahawa legasi Sakaran Dandai dapat dikekalkan selama 50 tahun disebabkan kepimpinannya yang masih dianggap signifikan bagi pandangan masyarakat Semporna. Walau bagaimanapun, legasi berkenaan tidak kekal relevan sehingga 2018 disebabkan ciri-ciri kepemimpinan beliau yang tidak diwarisi oleh legasi kepemimpinan selepasnya, selain berlakunya perubahan ciri-ciri politik semasa menjelang PRU-14 di Sabah.

A Rahman Tang dan Pandikar Amin dalam artikel bertajuk “Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan Hak Autonomi Sabah dan Sarawak dalam Konteks Sejarah dan PRU-14” membincangkan mengenai isu MA63 dalam konteks politik dan pilihan raya negeri umum yang ke-14. Isu ini digunakan oleh parti-parti yang bertanding untuk meraih undi. Dua isu yang sering digunakan untuk menyuarakan rasa tidak puas hati berhubung dengan situasi di kedua-dua negeri tersebut yang masih jauh ketinggalan dari aspek pembangunan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Hal ini ditambah lagi dengan dakwaan bahawa sebahagian besar sumber dan pendapatan kedua-dua negeri tersebut tidak dapat dinikmati oleh mereka. Oleh hal yang demikian, makalah ini membincangkan sejauh mana persoalan hak Sabah dan Sarawak yang dilegitimasi kepada MA63 dalam PRU-14 menepati konteks sejarahnya yang dikaitkan dengan situasi masa kini. Perbincangan dalam artikel ini menggunakan kerangka sejarah perundangan yang merujuk kepada MA63 dan kaitannya dengan isu-isu yang dibangkitkan dalam manifesto dan kenyataan politik dalam PRU-14. Berdasarkan kerangka ini, didapati bahawa MA63 yang dieksploitasi dalam PRU-14 hanya merupakan retorik politik. Hal ini disebabkan kefahaman terhadap MA63 telah diaplikasikan secara anakronistik akibat daripada kompleksiti dalam menghubungkan dokumen dan peristiwa sejarah kepada konteks masa kini.

Seterusnya Ramli, Nordin, Wan Shawaluddin, Marja Azlima, Adi dalam artikel yang bertajuk “Peranan Belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian Kes di P.188 Silam” membincangkan peranan belia dalam politik dengan

memfokuskan persepsi belia ke atas parti-parti politik yang bertanding dalam PRU-14. Kajian ini mendapati bahawa protes dalam kalangan belia ke atas parti pemerintah di negeri Sabah sememangnya tidak dapat dielakkan. Protes ini dikemukakan secara terbuka, sama ada disuarakan melalui aktiviti seharian mereka atau melalui media sosial. Seterusnya, protes ini diterjemahkan dalam bentuk undi ke atas Parti Warisan Sabah (PWS). Menyedari akan kepentingan belia kepada kelangsungan parti pemerintah, maka artikel ini menghujahkan bahawa parti pemerintah di peringkat nasional dan negeri pada hari ini perlu memberikan perhatian yang lebih serius ke atas isu belia terpinggir. Oleh itu, beberapa usaha mendekati belia perlu dilakukan secara konsisten dan ia bukan hanya menjadi rutin menjelang musim pilihan raya.

Menyedari akan kepentingan hubungan Pusat-Negeri dalam politik negeri Sabah, Ramli, Eko Prayitno, Nordin, Suhaimi dan Mohammad Faizal dalam artikel mereka bertajuk “Hubungan Persekutuan-Negeri di Sabah Pasca PRU-14: Prospek, Isu dan Cabaran” membincangkan isu hubungan negeri-persekutuan pasca PRU-14. Dalam hal ini, antara isu yang dibincangkan adalah berkait isu royalti minyak, isu MA63, isu pendatang dan beberapa isu yang mendasari hubungan persekutuan-negeri. Dalam hal ini, para penulis berhujah bahawa pasca PRU-14, kelangsungan pentadbiran negeri di bawah Parti Warisan bakal ditentukan oleh dua faktor hubungan persekutuan-negeri ini; iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran merujuk kepada bagaimana dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan pusat mempengaruhi persepsi rakyat ke atas pentadbiran kerajaan negeri. Faktor dalaman pula merujuk kepada sejauh mana kerajaan negeri berjaya melaksanakan dasar-dasar yang memberi kesan kepada penduduk negeri Sabah. Oleh itu, artikel ini menghujahkan bahawa cabaran lebih besar menanti negeri Sabah dalam hubungan negeri-persekutuan pasca PRU-14, terutamanya dalam memastikan kelangsungan hubungan ini.

Selain itu, Mohammad Saiful dan Anantha Raman dalam artikel “Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM): Hala Tuju Selepas PRU-14” berusaha untuk memahami perkembangan fahaman gerakan pemisahan yang digerakkan oleh sebuah organisasi dikenali Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM). Oleh itu, artikel ini memfokuskan perbincangan dengan usaha untuk melihat faktor-faktor yang telah mendorong penubuhan SSKM, strategi-

strategi yang telah diguna pakai untuk menarik sokongan kepada kumpulan ini dan akhir, membincangkan masa depan SSKM selepas PRU-14. Kajian ini mendapati bahawa SSKM ini telah dimanipulasi oleh kumpulan-kumpulan tertentu untuk mendapatkan ‘*political mileage*’ di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, kemenangan parti tempatan iaitu Parti Warisan dalam PRU-14 di Sabah dan pembentukan Gabungan Sarawak bakal menyebabkan gerakan SSKM ini tidak disokong oleh majoriti masyarakat di Sabah dan Sarawak pasca PRU-14, lebih-lebih lagi apabila kerajaan negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Warisan telah melaksanakan beberapa perkara yang dijanjikan sebelum ini dalam manifesto mereka.

Isu berkait dengan kelangsungan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Sabah turut dibincangkan oleh Mohamad Shaukhi, Syahrudin, Nordin dalam artikel bertajuk “Penyertaan PAS dalam PRU-14 di Sabah: Penelitian ke atas Pola Pengundian, Pendekatan Berkempen dan Persepsi Masyarakat.” Artikel ini membincangkan strategi dan pendekatan yang digunakan oleh PAS Sabah dalam siri kempen pilihan raya semasa PRU-14. Dalam hal ini, penulis berhujah bahawa tahap sokongan yang sederhana dan kemampuan untuk menarik sokongan pengundi yang agak terbatas kepada masyarakat Islam dan segelintir penyokong bukan beragama Islam di negeri ini membuktikan wujudnya laluan sukar untuk parti ini merealisasikan ‘anak sulung’ untuk PRU-14. Untuk tujuan tersebut, penulis melihat bahawa pendekatan kempen yang berteraskan harakah Islamiah dan ‘muwajahah silmiyyah’ amat penting untuk dipertingkatkan bagi menghebahkan mesej berkenaan dengan nilai-nilai Islam untuk semua rakyat di negeri ini. Usaha ini perlu diperkemas khususnya untuk PAS Sabah menanamkan keyakinan masyarakat berbilang kaum di negeri ini agar seiring dengan perjuangannya. Penulis menghujahkan sekiranya aspek ini ia diberikan perhatian dengan memasukkan idea-idea pembangunan ekonomi dan sosial di Sabah seharusnya berupaya memperkukuhkan strategi dan taktik kempen parti ini untuk berjaya meraih undi lebih besar dalam PRU-15 yang akan datang.

Wan Shawaluddin, Nordin, Jusman dan Diana dalam artikel bertajuk “Pilihan Raya Umum 14 (PRU-14) dan Tumbangnya Barisan Nasional (BN) di Parlimen Silam Sabah” membincangkan beberapa isu yang membawa kepada kekalahan BN di Parlimen Silam dan DUN yang berada di bawah

parlimen ini. Antara isu-isu utama yang dibincangkan adalah seperti isu kepimpinan, tidak peka kepada masalah penduduk setinggan, nepotisme, isu tanah, ESSCOM, kenaikan kos sara hidup dan 1MDB. Dalam hal ini, penulis menghujahkan bahawa para pemimpin BN di peringkat Parlimen Silam tidak pernah belajar dari segi sejarah bagaimana rakyat Sabah dan pengundi Silam khususnya yang sentiasa rasional dalam pemilihan mereka semasa pilihan raya diadakan. Malahan, para pengundi di parlimen ini bersedia untuk menukar kerajaan jika mereka tidak berpuas hati dengan kerajaan, sebagaimana yang pernah berlaku sebelum ini apabila pengundi Silam menghukum parti-parti politik dari parti pemerintah dalam beberapa siri pilihan raya sebelum ini. Kegagalan pemimpin BN melihat perjalanan sejarah dalam perkembangan politik di parlimen Silam ini mengakibatkan BN tumbang di Parlimen Silam dalam PRU-14 yang menjadi kubu kuat parti ini selama beberapa penggal.

Jurnal Kinabalu keluaran khas PRU-14 ini diharapkan akan memberikan beberapa gambaran dan maklumat penting tentang politik negeri Sabah khususnya, sebelum dan pasca PRU-14. Walaupun mengakui bahawa terdapat beberapa isu yang mungkin tidak dibincangkan dalam keluaran khas PRU-14 ini, para penyunting melihat bahawa wacana-wacana politik dalam keluaran khas PRU-14 ini berjaya memberikan maklumat daripada sumber dalaman memandangkan hampir kesemua para penyumbang artikel dalam keluaran khas PRU-14 ini merupakan mereka yang berhempas pulas meneliti, memerhati dan memahami kedinamikan politik yang berlaku di negeri Sabah sebelum dan pasca PRU-14.

## **RUJUKAN**

- Almond, G A. (1956). Comparative political system. *The Journal of Politics*, 18 (3), 391–409.
- Almond, G. A. & Sidney, S. (1963). *The civic culture: Political attitudes and democracy in five nations*. New Jersey: Princeton University Press.
- Astro (8 Julai 2018) UPKO umum keluar BN wujud kerajaan campuran dengan Warisan, <http://www.astroawani.com/berita-politik/upko-umum-keluar-bn-wujud-kerajaan-campuran-dengan-warisan-175096>
- Barry, B. (1975). The consociational model and its dangers. *European Journal of Political Research*, 3 (4), 393–412.



- Berita Harian (4 Mei 2018) Warisan miliki 35 kerusi mahu bentuk Kerajaan <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/424394/warisan-miliki-35-kerusi-mahu-bentuk-kerajaan>
- Francis Loh Kok Wah. (2005). *Politik baru di Malaysia*. Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor. Bil. 25. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Lijphart, A. (1969). Consociational democracy. *World Politics*, 21 (2), 207–225.
- Lijphart, A. (1977). *Democracy in plural society: A comparative exploration*. New Haven: Yale University Press.
- Mohammad Agus Yusoff. (1992). *Politik akomodasi di Sabah 1962–1992*. Kuala Lumpur: Laser Skill Sdn. Bhd.
- MStar (12 Mei 2018) Shafie angkat Sumpah, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/05/12/shafie-angkat-sumpah>.
- The Star (24 Okt. 2018) Sabah BN announces fresh coalition under Gabungan Bersatu Sabah, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/10/24/sabah-bn-announces-fresh-coalition-under-gabungan-bersatu-sabah/>. Diakses pada 8 Julai 2018
- Utusan Borneo (12 Mei 2018) Enam ADUN BN sertai Warisan bentuk kerajaan Sabah, <https://www.utusanborneo.com.my/2018/05/12/enam-adun-bn-sertai-warisan-bentuk-kerajaan-sabah>.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining & Kim Jong Eop. (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional fixed-deposit state? *Southeast Asia Review*, 26 (3), 91–118.

